

“Cuba anak-anak lihat motif-motif ini.” Jari telunjuk Atuk mengarah ke beberapa helai kain batik yang dipamerkan.



“Yang itu pucuk rebung. Ini naga berjuang. Ini pula siku keluang. Yang ini telingkai pucuk. Ini pula paluk pakis. Ini motif naga-naga, naga bertangkup. Yang ini bunga cengkikh. Tahu bunga cengkikh? Yang itu bunga manggis, yang di situ bunga kundur. Ini ikan-ikanan, ayam-ayaman dan yang ini lebah **bergayut**.”

Para siswa tekun mendengar penerangan Atuk. Mereka sibuk memetik gambar dan mencatat penerangan mengenai motif-motif batik yang Atuk jelaskan.

“Setiap motif ada **falsafah**nya. Ada nilai yang ingin disampaikan. Contohnya yang ini lebah bergayut. Masyarakat Melayu tahu bahawa hidup bermasyarakat itu penting. Tolong-menolong itu penting seperti kehidupan lebah. Lebah bergayut sesama mereka yang sebenarnya melambangkan hidup saling bekerjasama, tolong-menolong, bantu-membantu dan bekerja untuk tujuan yang sama.”

“Sama juga dengan kehidupan kita. Dalam keluarga, kita harus hidup harmoni, bekerjasama dan tolong-menolong. Nah, dalam kehidupan bermasyarakat pun begitujuga. Barulah kita boleh hidup aman dan sejahtera.”

Aku seronok mendengar penerangan Atuk dan melihat gelagat para siswa yang kagum dengan falsafah yang tersirat dalam motif batik hasil karya Atuk.

"Saya akan terus membatik sampai bila-bila. Cuma saya sedikit kecewa. Tidak ada seorang pun anak saya yang mahu terlibat dalam pelestarian seni batik. Mereka sudah berjaya semuanya. Yang lelaki jadi doktor dan yang perempuan jadi pensyarah," sambung Atuk lagi.

"Jika saya mahu kaya, saya boleh melakukan hal itu sejak 40 tahun dahulu. Tapi saya tidak boleh membiarkan tradisi ini lenyap begitu sahaja. Itu tanggungjawab saya. Cuma, jika ada yang ingin berinovasi dengan batik, pelajari dahulu seni batik asli secara mendalam, termasuk motif asal dan teknik membatik. Nah, setelah kukuh asasnya, jika dia mahu berinovasi, silakan sahaja." Tegas Atuk bersungguh-sungguh.

Aku sudah tidak sabar untuk bertemu Atuk pada cuti sekolah tahun hadapan.

Renungan

Sekiranya tiada usaha untuk melestarikan dan mengekalkan khazanah peninggalan silam termasuklah seni batik, pasti ia akan hilang ditelan perubahan zaman.

Apakah renungan kamu mengenai tanggungjawab Atuk terhadap seni batik?

Glosari

1. **lukah** – bubu, sejenis alat yang diperbuat daripada bambu untuk menangkap ikan
2. **menjangkakan** – meramal atau mengagak
3. **mencanting** – ialah satu proses membuat batik. Alat yang digunakan ialah chanting, sejenis alat yang digunakan untuk melukis dan mewarnakan batik
4. **nafkah** – ialah wang yang diperlukan untuk hidup dan menyara tanggungan, sara hidup, makanan dan lain bagi keperluan sehari-hari, bekerja untuk mendapatkan rezeki, pendapatan, gaji
5. **mempertahankan** – mengikhtiaran atau mengusahakan supaya tetap kekal, tidak berubah, memegang teguh-teguh
6. **bergayut** – bergantung, berpegang kuat-kuat
7. **falsafah** – pengetahuan tentang pengertian yang dianggap sebagai ilmu yang tertinggi yang menjadi dasar ilmu-ilmu yang lain

SEKALUNG BUDI

Akar keladi melilit selasih,
Selasih tumbuh di hujung taman;
Kalungan budi junjungan kasih,
Mesra kenangan sepanjang zaman.

Terima kasih diucapkan kepada Pusat Bahasa Melayu Singapura yang telah menyediakan wadah bagi penerbitan koleksi cerpen **Rahsia**.

Ucapan terima kasih dan penghargaan kepada semua guru yang telah menyumbangkan karya cerpen mereka dalam penerbitan koleksi cerpen **Rahsia**.

Terima kasih juga kepada Jawatankuasa Pembelajaran dan Penggalakan Penggunaan Bahasa Melayu atau MLLPC kerana telah mentauliahkan program penyerapan bagi Guru Kanan bahasa Melayu Singapura dan membolehkan para guru mengikuti program penyerapan yang mencetuskan idea bagi penerbitan koleksi cerpen **Rahsia**.

Dan kepada semua pihak yang terlibat secara langsung atau pun tidak dalam penerbitan dan lahirnya koleksi cerpen **Rahsia** sebagai wadah dan bahan bacaan bagi pelajar di sekolah menengah di Singapura.



Ministry of Education
SINGAPORE

